

Muhyiddin jadi individu pertama disuntik buktikan vaksin selamat

BH - 23/12/2020 m/s: 2

Kuala Lumpur: Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, beliau akan menjadi antara individu pertama menerima suntikan vaksin COVID-19 bagi meyakinkan rakyat bahawa vaksin yang diperoleh negara selamat dan berkesan.

“Ini akan diikuti dengan petugas barisan hadapan, sebelum diberikan kepada kumpulan sasaran iaitu kumpulan berisiko tinggi seperti warga emas, mereka yang menghidap penyakit tidak berjangkit (NCD) dan penyakit saluran pernafasan kronik,” kata Perdana Menteri dalam perutusan khas menerusi video menge-

nai perkembangan terkini pemberian vaksin COVID-19 untuk rakyat Malaysia yang disiarkan menerusi Radio Televisyen Malaysia (RTM), semalam.

Beliau berkata, Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin yang ditubuhkan dan dipengerusikan bersama oleh Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba serta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin akan memastikan bekalan vaksin dapat diperoleh pada kadar segera.

“Kerajaan menjangkakan bekalan pertama sejuta dos vaksin da-

ripada Pfizer akan diterima dan mula diberikan kepada kumpulan sasaran seawal Februari 2021,” katanya.

Katanya, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) Kementerian Kesihatan akan terus memantau keberkesanan dan keselamatan vaksin itu dalam kalangan penerima.

Dalam pada itu, Muhyiddin sekali lagi mengajak semua pihak bersama menghayati dan membudayakan norma baharu dalam menjalani kehidupan seharian walaupun selepas menerima bekalan dan suntikan vaksin.

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin yang ditubuhkan akan memastikan bekalan vaksin dapat diperoleh pada kadar segera.

**Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri**

“Kita perlu menyesuaikan diri dengan norma baharu kerana virus ini sudah pun berada di dalam komuniti.

“Patuhi SOP (prosedur operasi standard) ditetapkan dan amalakan kebiasaan mencuci tangan menggunakan sabun lebih kerap atau gunakan pencuci tangan (hand sanitizer) jika tiada punca air berdekatan, pakai pelitup muka dengan betul ketika berada di tempat awam dan jaga jarak fizikal dengan orang di sekeliling.

“Insyallah, kita mampu menghadapi cabaran ini bersama-sama,” katanya.